

**Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dan  
Seksyen 20 Akta Perhubungan  
Perusahaan 1967**

**SITI ZAHARAH BINTI JAMALUDDIN**

***ABSTRACT***

*Gangguan seksual di tempat kerja mula mendapat perhatian ramai apabila Kementerian Sumber Manusia mengeluarkan satu Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Menghalau Gangguan Seksual Di Tempat Kerja (selepas ini disebut sebagai Kod Amalan) pada Ogos 1999. Langkah ini pada sesetengah pihak menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini namun tidak kurang yang berpendapat bahawa langkah itu belum mencukupi. Makalah ini akan cuba membincangkan takrif gangguan seksual dan penggunaan seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sebagai remedy untuk penerima atau mangsa dan juga pelaku. Adakah remedii ini menepati kehendak pihak-pihak yang terlibat dengan gangguan seksual ini atau adakah kekurangan yang perlu diatasi untuk memberikan perlindungan yang maksimum.*